

3. Saya sukalah mengambil kesempatan ini, mengucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan dan rakyat Negeri Sarawak, khusus kepada Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub, di atas sambutan meriah serta penghormatan yang telah diberikan kepada saya dan isteri saya di Lapangan Terbang Kuching pagi ini. Penghormatan itu jelas melahirkan perpaduan dan persefahaman rakyat berbilang kaum di negari ini, serta ketua-ketua parti dan Kerajaan di Sarawak. Penghormatan ini, juga membuktikan sokongan dan kevakinan rakyat terhadap Barisan Nasional dan